

05/05/2000

Kedah johan bahas

KEDAH muncul sebagai johan dalam kedua-dua kategori bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam Pertandingan Bahas Guru-guru Malaysia, sempena Hari Guru tahun ini.

Pada pertandingan akhir peringkat kebangsaan yang berlangsung di Dewan Besar Institut Aminuddin Baki (IAB), Genting Highlands, semalam, Kedah selaku johan peringkat Zon A, menewaskan johan peringkat Zon C, iaitu Johor, dalam kedua-dua kategori berkenaan.

Dalam kategori bahasa Melayu yang membahaskan tajuk 'Profesion Keguruan Berasaskan Ilmu' itu, pasukan Kedah selaku pihak pencadang dibarisi oleh Ahmad Muslim Mahmod, Mohd Ikram Loh Abdullah, Mohd Salleh Hassan serta Haryati Jumin (simpanan).

Mereka mengalahkan pasukan Johor yang diwakili oleh Md Yusoff Mohamed, Rosmawati Salleh, S Mugunan a/l Chendu dan juga Abd Malik Mohamad Shah (simpanan).

Kejayaan itu menjadi lebih bermakna apabila pesertanya, Ahmad Muslim turut terpilih sebagai pembahas terbaik dalam pertandingan kategori bahasa Melayu itu.

Sementara itu dalam pertandingan kategori bahasa Inggeris dengan tajuk perbahasan 'Knowledge Is The Foundation Of Teaching Profession' pula, pasukan Kedah yang juga pihak pencadang diwakili oleh Shanti David, Siti Rafizah Fatimah Osman, R Sivabala Naidu dan Ramli Abu Mansor (simpanan).

Walaupun mereka menewaskan pasukan lawan yang dibarisi oleh Shyamala a/p Sankaran, Diana Fatimah Ahmad Sahani, Ahmad Adnan Ahmad Aras dan Moideen Muhammad (simpanan), Johor masih boleh berbangga berikutan Ahmad Adnan terpilih sebagai pembahas terbaik bagi kategori bahasa Inggeris.

Panel hakim pertandingan kategori bahasa Melayu dibarisi oleh Prof Dr Abd Hamid Mahmod selaku ketua, Dr Awang Sariyan, Ismail Sajad Sajad, Osman Hussain dan Awi Abd Jalil, manakala kategori bahasa Inggeris pula dihakimi oleh Dr Alias Mohd Yatim (ketua), Kamal D E Quadra, Laila Hairani Abdullah Sanggura, Dr Hooi Lai Wan dan Norizan Bapoo Hashim.

Dalam ulasan penghakiman untuk kategori bahasa Melayu, Dr Abd Hamid berkata, kemampuan bahas yang ditonjolkan oleh kedua-dua pasukan adalah mengagumkan di mana peserta bukan Bumiputera turut fasih dan mahir berbahas dalam bahasa kebangsaan.

"Kedua-dua pihak berjaya mengemukakan hujah masing-masing dengan penuh keyakinan dan kesungguhan. Oleh itu, perbezaan kemenangan tidak besar, iaitu hanya tiga lawan dua," katanya.

Bagaimanapun, Dr Abd Hamid berkata, masih ada kekurangan yang boleh diperbaiki oleh peserta, termasuk dari segi penggunaan perkataan tidak sesuai dan juga kesilapan nahu.

Kedua-dua pasukan yang bertanding itu menerima hadiah iringan masing-masing daripada Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Dr Noor Azmi Ibrahim dalam majlis berkenaan.

Hadiah untuk johan setiap kategori terbabit berupa wang tunai RM2,000, piala pusingan, piala individu, sijil dan buku sumbangan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), wang tunai RM1,500 (naib johan) dan sagu hati RM500 (masing-masing pemenang tempat ketiga dan keempat), akan disampaikan dalam majlis pelancaran Hari Guru peringkat kebangsaan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Ipoh, 16 Mei ini.

Ketika ditemui, Ahmad Muslim berkata, pasukannya mengadakan perjumpaan empat atau lima kali seminggu di Pusat Sumber Pendidikan Negeri Kedah

sebagai persediaan menghadapi pertandingan kali ini.

Sementara itu ketua pasukan Kedah dalam kategori bahasa Inggeris, Shanti pula berkata, ini adalah kali pertama Kedah menjadi johan selepas dua kali layak ke pertandingan peringkat separuh akhir dan sekali peringkat akhir.

(END)